

ELEMEN AKIDAH DALAM SURAH YASIN: SATU SOROTAN AWAL
ELEMENTS OF FAITH IN SURAH YASIN: AN EARLY HIGHLIGHT

Wan Fakhru Razi Wan Mohamad^{1*}, Abdul Hadi Awang², Mohd Manawi Mohd Akib³
Syamim Zakwan Rosman⁴ & Muhammad Fakhru Razi Shahabudin⁵

¹ Pensyarah Jabatan al-Quran & Sunnah, KUIS, wanfakhrurazi@kuis.edu.my.

² Pensyarah Jabatan al-Quran & Sunnah, KUIS, abdulhadi@kuis.edu.my.

³ Pensyarah Jabatan al-Quran & Sunnah, UKM, manawi@ukm.edu.my

⁴ Pembantu Penyelidik, KUIS, syamimzakwan@gmail.com

⁵ Pembantu Penyelidik, KUIS, nurfurganrazi92@gmail.com

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Iman merupakan tunjang utama dalam menentukan segala tindakan individu muslim. Keimanan yang benar adalah berdasarkan kepada akidah dan pegangan yang jelas berpandukan sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Surah Yasin yang merupakan *qalb al-Qur'an* sudah menjadi amalan dan rutin mingguan bagi majoriti umat Islam di Malaysia, namun pemahaman dan penghayatan tafsirnya tidak didalami dan diamalkan. Disamping itu, pelbagai isu pemikiran dan akidah bermain dalam kelompok masyarakat, sekali gus mewujudkan kebimbangan dikalangan agamawan dengan kewujudan pelbagai aliran pemikiran Islam yang berusaha untuk mengelirukan kefahaman umat Islam terhadap pegangannya sendiri. Oleh itu, tujuan utama kajian ini dibahas adalah untuk mengenalpasti elemen-elemen akidah yang terdapat di dalam surah Yasin. Kajian ini telah menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan analisis tematik dan deskriptif, dapatan kajian ini akan memaparkan beberapa elemen akidah yang terdapat dalam surah Yasin yang dilihat mampu mengukuhkan akidah individu Muslim sekiranya dihayati dengan sebaiknya. Di antara elemen akidah yang diketengahkan ialah berkaitan perkara *ilahiyat*, *nubuwwat* & *sam'iyat*. Elemen tersebut dilihat mampu memberi kesedaran kepada individu muslim dalam merancang dan melakukan setiap tindakan di dunia ini agar sejajar dengan tuntutan Islam yang membuahkan ganjaran pahala di akhirat kelak.

Kata kunci

Elemen, akidah, surah Yasin, pengukuhan, hari akhirat

Abstract

Faith is the mainstay in determining the behaviour and all of the actions of Muslim individuals. True faith is based on akidah and firm beliefs that are clearly guided by the main sources of Islam, namely the Qur'an and the Sunnah. The reciting of the surah Yasin which is heart of the Qur'an has become a weekly practice and routine for the majority of Muslims in Malaysia. However what is more important is being able to understand and appreciate the surah Yasin. Among the obstacles that impede the understanding of the Qur'an in general is the tension between differing Islamic ideologies and thinking which has a great influence on the masses, thus creating concern among religious fundamentals, specifically the existence of various stream of Islamic thoughts that seek to confuse Muslims' understanding of their own beliefs. Therefore,

the main purpose of this study is to identify the elements of faith found in surah Yasin. This study has used a qualitative method with a thematic and descriptive analysis approach, where the findings of this study will display some elements of faith found in surah Yasin which are regarded as being able to strengthen the faith of Muslim individuals who have the proper understanding of the surah. Among the elements of faith that are highlighted are related to matters of ilahiyyat, nubuwwat & sam'iyat. These elements are regarded as being able to give a sense of awareness to Muslim individuals that they must plan and carry out every action in this life in line with the teachings of Islam which will bring rewards in the hereafter.

Keywords

Element, akidah, verse Yasin, strengthen, hereafter

1.0 Pendahuluan

Akidah berasal daripada perkataan Arab iaitu "aqada" yang bererti mengikat atau menyimpul. Perkataan akidah biasanya digunakan pada ikatan atau simpulan tali dan seumpamanya. Selain itu, ikatan itu juga membawa maksud perjanjian (Ibn Manzur, 2005).

Menurut istilah, akidah ialah perkara yang dibenarkan dan ditetapkan di dalam hati dengan yakin bahawa pegangan itu benar dan tidak ada keraguan padanya (Al-Asyqar, 1984).

Sehubungan dengan itu, aqidah dari sudut istilah yang am adalah kepercayaan atau keimanan yang muhtamad tanpa sedikit pun rasa syak dan ragu-ragu bagi orang yang berpegang kepada kepercayaan itu. Takrifan ini adalah umum merangkumi kepercayaan aqidah yang hak mahupun yang batil (palsu), apa yang penting adalah aqidah yang dipegang di dalam hati penganut aqidah tersebut (al-Ghazali, 2005).

Dalam konteks individu, akidah merupakan asas yang mampu melahirkan insan yang mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT seterusnya membentuk keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan bagi melahirkan individu yang seimbang emosi, rohani dan akalinya dengan amalan dan tingkah laku fizikalnya (Al-Asyqar, 1984).

2.0 Akidah Umat Islam di Malaysia

Pengaruh utama yang dibawa oleh Islam apabila memasuki Tanah Melayu ialah terhadap aqidah (Daud, 1989). Kedatangan Islam telah mengubah masyarakat Melayu dari segi dalamannya. Jika dahulu mereka asyik dengan bidang kesenian, mitos dan khayalan, tetapi selepas kedatangan Islam timbul pandangan-pandangan yang mementingkan unsur-unsur rasionalisme dan intelektualisme. Ini adalah hasil daripada usaha para pendakwah Islam yang menyeru kepada kepercayaan ketuhanan yang tunggal dan kehendak-Nya berjalan selaras dengan akal. Insan diciptakan dengan sifat terasnya iaitu akal dan unsur inilah yang menjadi perhubungan antara insan dengan hakikat alam semesta (al-Attas, 1990).

Dari sudut pendidikan, Islam telah menyebabkan perubahan dalam strata sosial masyarakat Melayu. Selepas penerimaan Islam, golongan bawahan turut menerima pendidikan yang sama seperti golongan atasan. Sistem pendidikan yang bermula di istana mula beralih ke beberapa institusi pendidikan Islam seperti pondok dan

madrasah. Budaya keilmuan yang dibawa oleh Islam pula telah mengembangkan tradisi pendidikan dan pengajaran secara lebih tersusun. Melalui sistem pengajian ilmu tersebut lahirlah para cendekiawan dan ulama Melayu yang menjadi pegawai-pegawai pemerintah, guru-guru dan ahli agama (Musa, 2004).

Hasil daripada didikan ini, masyarakat Melayu mula membentuk suatu jati diri yang mantap. Mereka dikenali sebagai bangsa yang beragama, berakhlak dan berbudi. Sejak lahir lagi kanak-kanak akan diajar konsep dosa, pahala, halal, haram dan sebagainya. Setelah meningkat umur lima tahun ke atas kanak-kanak juga akan diajar bersembahyang, berpuasa dan lain-lain. Selain itu, mereka juga diajar supaya hormat-menghormati, bertolak ansur dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan seharian (Najati, 2001).

Pengaruh akidah terhadap perubahan seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu tidak dapat dinafikan. Menurut kajian, umat Islam di Malaysia mempunyai asas pegangan akidah yang mantap berdasarkan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Hamat, 2008). Aliran ini dikukuhkan lagi oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-8 yang telah diadakan pada 24 dan 25 September 1984 telah memutuskan bahawa hanya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sahaja mazhab akidah yang diterima di negara ini, manakala mazhab-mazhab lain dilarang dari diamal dan disebarkan di kalangan masyarakat (Mat, 1997).

Ahli Sunnah Wal-Jamaah menurut definisi terminologinya ialah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW menerusi para sahabat, *tabi'in* dan *tabi' tabi'in* yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip aqidah, syariah dan akhlak (Mas'od, 2013).

Perkembangan aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Malaysia adalah seiring dengan perluasan pengaruh mazhab Asya'irah-Maturidiyah di Nusantara (Abdullah, 1998). Mereka adalah golongan berfahaman sederhana (*wasatiyyah*), tidak melampau dan tidak terlalu longgar. Ini berbeza dengan aliran Khawarij, Syiah Rafidhah, Qadariyyah, Jabariyyah, Muktaizilah, Anti-Hadith, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya. Selain itu, Ahli Sunnah Wal-Jamaah ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam, perdamaian, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taksud sehingga mengkafir atau menyesatkan sesama Islam (Abdullah, 1998).

3.0 Pembahagian Elemen Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah

Malaysia adalah sebuah Negara Islam yang berteraskan dasar Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Aqidah, syariah dan akhlak ummah sentiasa dipelihara agar selari dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam dasar tersebut. Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang menjadi tradisi di Malaysia adalah merujuk kepada pengikut mazhab fiqh beraliran Syafi'iyah manakala dari segi teologinya beraliran Asya'irah. Dari segi akhlak atau rohaniahnya adalah dipengaruhi oleh pandangan-pandangan Imam al-Ghazali (505H) (El-Muhammady, 1995)

Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah sering dikaitkan dengan manhaj atau pendekatan *wasatiyyah*. *Wasatiyyah* dalam aqidah bermaksud suatu manifestasi kesederhanaan dalam keadilan, istiqamah, kebaikan, keamanan, kekuatan dan kesatuan dalam prinsip-prinsip keimanan. Manhaj *wasatiyyah* sangat penting bagi umat Islam

khususnya dalam menyeimbangkan antara aliran literalisme, liberalisme dan sufisme. Manhaj wasatiyyah sentiasa berpegang teguh dalam meletakkan nusus al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber aqidah yang murni tetapi dalam masa yang sama tidak mengabaikan fungsi akal dan pancaindera dalam menyokong dan mendokong kebenaran wahyu. Namun fungsi akal itu tidak akan melebihi kemampuan dan keupayaannya sehingga mengatasi kesucian wahyu dan ia dipimpin dan dibimbing berasaskan prinsip dan disiplin yang ditetapkan oleh para ulama. Begitu juga manhaj wasatiyyah tidak menolak secara total unsur-unsur sufisme yang disebutkan dalam memperkukuhkan aqidah selagimana ia tidak menjadi sumber utama, sah dan tidak bercanggah dengan kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah (al-Qaradhawi, 2011).

Secara umumnya, elemen akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dapat dilihat dalam tiga aspek iaitu ketuhanan (*Ilahiyyat*), kenabian (*nubuwwat*) dan perkhabaran ghaib (*sam'iyat*) (al-Fathani, 1990).

Elemen ketuhanan adalah berkaitan dengan keimanan terhadap Allah SWT dan keesaan-Nya yang merupakan rukun iman pertama dalam agama Islam. Perbahasannya meliputi soal *zat*, *sifat* dan *af'al* Allah SWT serta perkara yang berkaitan dengannya. Dalam elemen ketuhanan, manhaj wasatiyyah amat penting bagi memastikan keimanan yang tepat dan sah sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT dan diimani oleh Rasulullah SAW. Manhaj dalam beriman akan Allah SWT sebagaimana yang dinaskan dalam al-Qur'an, al-Sunnah yang sah dan akal yang waras. *Zat* Allah Maha Sempurna, tidak menerima sifat kekurangan dan tidak sekali-kali menyerupai sesuatu apapun (al-Fathani, 1990).

Seterusnya, elemen kenabian adalah perkara yang berkaitan dengan keimanan terhadap para Nabi dan Rasul yang diutuskan oleh Allah SWT. Para Nabi adalah manusia biasa yang makan, berjalan ke pasar, ada yang mendirikan keluarga dan beranak pinak. Yang membezakan antara manusia biasa dan mereka ialah mereka dikurniakan wahyu untuk disampaikan dan disokong dengan mukjizat. Umat Islam pada masa kini beriman dengan risalah dan sunnah yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW berbanding sekadar mengagung-agungkan jasad dan keturunan Baginda SAW. Beriman dengan Nabi SAW merangkumi cinta kepada Baginda iaitu dengan menyemai cinta kepada sunnah atau risalah yang ditinggalkan oleh Nabi SAW (al-Fathani, 1990).

Akhir sekali, elemen perkhabaran ghaib (*sam'iyat*) adalah keimanan terhadap perkhabaran ghaib yang diwahyukan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan Sunnah. Antaranya seperti beriman terhadap hari akhirat, alam barzakh, titian sirat, mizan atau timbangan, malaikat, jin dan sebagainya. Beriman kepada *sam'iyat* tidak terlampau sehingga keterlaluan mencari hakikat perkara *sam'iyat* tersebut dan tidak terlalu longgar sehingga menolaknya. Pendekatan Ahli Sunnah Wal-Jamaah tidak menolak perkara *ghaibiyat* secara total sebaliknya beriman dengan sepenuh keyakinan tentang perkara *ghaibiyat* sepertimana yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah tanpa sebarang tokoh tambah dan takwilan yang batil (al-Fathani, 1990).

4.0 Surah Yasin dan Pengamalannya di Malaysia

Umat Islam di Malaysia tidak asing lagi dengan bacaan Surah Yasin pada setiap malam Jumaat. Ia samada dilakukan di surau-sarau mahupun masjid di kebanyakan tempat di seluruh negara kecuali beberapa kawasan tertentu. Amalan bacaan Yasin kebiasaannya juga akan diiringi dengan bacaan tahlil antara waktu selepas Maghrib hingga masuk waktu Isyak (Suliaman, 2011)

Surah Yasin merupakan surah yang ke 36 mengikut susunan surah dalam al-Quran, surah ini diturunkan selepas surah al-Jin dan diturunkan di Mekah, iaitu sebelum penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah. Dinamakan surah Yasin kerana dimulakan dengan huruf ya dan sin yang merupakan mukjizat al-Quran kerana susunan dan permulaan awal surah yang berlainan daripada karya ahli bahasa Arab (al-Sabuni, 1981).

Surah Yasin mempunyai nama lain iaitu penguat, penghukum, pelengkap dan hati. Surah ini membawa intipati utama iaitu keimanan terhadap risalah tauhid yang merupakan asas kepada kehambaan dan ketaqwaan kepada Allah SWT (al-Baqaie, 1984).

Surah Yasin diturunkan di Mekah dan surah ini banyak difokuskan kepada masalah akidah, antara pokok-pokok isinya ialah tentang keimanan kepada Allah, tentang hari kebangkitan, syurga dan sifat-sifatnya yang disediakan bagi orang-orang Mukmin, mensucikan Allah dari sifat-sifat yang tidak layak bagiNya, surah ini juga membuktikan bahawa anggota badan manusia menjadi saksi bagi segala perbuatan mereka di dunia (al-Baqaie, 1984).

Dalam surah ini juga disebutkan tentang bukti kekuasaan Allah melalui penciptaan segala sesuatu secara berpasangan, tentang ajal dan hari kiamat yang akan datang secara tiba-tiba dan tidak diketahui oleh mana-mana makhluk kecuali Penciptanya yang maha Agung (Qutb, 1986).

Secara umum, persembahan surah ini dibahagikan kepada tiga fasa utama. Fasa pertama dimulakan dengan ayat pertama sehingga ayat ke 29. Fasa ini dimulakan dengan dua huruf hijiyah iaitu ya dan sin diikuti perihal al-Quran dan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Kemudian dibentangkan tentang kesudahan bagi orang-orang yang berdusta, menerangkan bahawa peringatan itu berguna hanya kepada orang yang takut kepada Allah dan mengikut perintahNya, dan orang-orang itu bersedia untuk menerima hidayat dan iman. Seterusnya, didedahkan pula kisah mengenai orang kampung yang berdusta kepada Allah dan akibat yang mereka terima di samping dipamerkan keimanan yang tertanam di dalam hati seorang lelaki serta kesan keimanan tersebut (Qutb, 1986).

Fasa kedua bermula dengan ayat 30 hingga 68 dibentangkan tentang penyesalan yang berlaku pada golongan yang mengingkari perintah Allah serta berdusta dan mengejek Rasul-Rasul yang diutuskan Allah SWT kepada mereka. Gambaran tentang hari kiamat dan kehancuran alam semesta turut dibentangkan dalam fasa ini (Qutb, 1986).

Akhir sekali, fasa terakhir bermula dari ayat 69-83 ini adalah kesimpulan terhadap semua kisah yang terdapat dalam surah Yasin (Qutb, 1986).

Di Malaysia, telah timbul pandangan tentang persoalan bidaah membaca Surah Yasin pada malam Jumaat, kerana ada pandangan yang lebih sahih iaitu sepatutnya membaca Surah al-Kahfi. Secara umumnya beramal dengan surah al-Kahfi pada malam Jumaat adalah tersangat baik dan dituntut kerana ianya berdasarkan hadis sahih. Bagi mereka yang hendak beramal dengan Surah Yasin pada malam Jumaat juga adalah baik dan dituntut kerana ianya juga berdasarkan hadis walaupun statusnya tidaklah sama dengan status Hadis bacaan Surah al-Kahfi pada malam Jumaat. Namun, kemungkinan orang melayu Islam di nusantara beramal dengan surah Yasin pada setiap malam jumaat secara berjamaah dan dilakukan secara konsisten memandangkan surah ini lebih pendek berbanding surah al-Kahfi. Surah Yasin apabila dibaca secara tartil dan secara berjamaah yang dipandu oleh seorang khalifah bacaan, selesai sahaja membacanya, tempoh waktu yg diambil berakhir sebaik sahaja masuk waktu Isyak. Hal ini memberi sengkang waktu yang bersesuaian dengan mereka yang terlibat dengan majlis bacaan Yasin, sementara menanti waktu Isyak masuk, berbanding surah al-Kahfi yang jika dibaca secara beramai-ramai serta dengan bacaan yang tartil, kemungkinan besar akan mengambil masa yang lama serta mendatangkan beban pula kepada sebahagian orang yang memiliki urusan tertentu, kerana surah ini agak panjang berbanding surah Yasin (Hanafiah, 2019).

Terdapat pelbagai peringatan dan amaran dalam surah Yasin yang amat berkesan kepada pembaca, ia menyentuh sanubari orang yang memahami dan meneliti makna serta isi kandungannya, membuka hati-hati yang beriman supaya segera mengakui kewujudan Yang Maha Kuasa dan menundukkan hati terhadap segala perintahNya seterusnya beriman dengan hari kebangkitan dan balasan baik buruk pada hari tersebut (Wan Rohani, 2012).

5.0 Elemen Akidah Dalam Surah Yasin

Satu daripada cabaran akidah di zaman ini adalah fahaman agnostik. Mengetahui bahawa Tuhan itu wujud tetapi tidak mempercayai ajaran agama. Apa yang membimbangkan adalah, sebahagian masyarakat yang terpengaruh dengan ajaran ini terdiri daripada umat Islam yang ragu-ragu dengan ajaran Islam. Golongan agnostik ini gagal melihat keindahan Islam malah menyalahkan Tuhan kerana tidak 'menyelesaikan' masalah masyarakat. Beberapa ciri lain golongan ini untuk dikenal pasti adalah percaya kepada kewujudan Tuhan tetapi tidak beragama, kurang kefahaman dan penghayatan agama serta cenderung meluaskan pengaruh dalam kalangan golongan intelektual. Serangan pemikiran dari barat yang amat mengelirukan ini merupakan isu akidah yang amat kritikal. Pemikiran ini dipengaruhi oleh beberapa aliran pemikiran lain termasuklah modenisme, sekularisme, pluralisme dan liberalisme. Pengaruh aliran pemikiran ini perlu dicegah dan diberi perhatian serius oleh semua pihak supaya tidak terus merebak dan merosakkan akidah (Nurkhamimi, 2020).

Masyarakat pasti merasa kurang senang dengan isu yang melingkari kumpulan agnostik ini. Namun cabaran ini menuntut kebijaksanaan agamawan dalam menyampaikan dakwah. Ilmu yang mantap serta cara penyampaian penuh hikmah adalah elemen penting bagi menghadapi mereka. Umpama api dalam sekam, tanpa usaha dakwah, pengaruh fahaman ini perlahan-lahan akan meranapkan benteng akidah umat Islam yang sebenar. Proses pemantauan, kawalan dan didikan perlu digembleng secara bersepadu agar penyimpangan akidah alaf baru ini tidak terus menular dalam kalangan umat Islam (Nurkhamimi, 2020). Antara langkah penyelesaian tuntas yang dicadangkan ialah dengan mempelajari dan memaknai ilmu akidah, sesuai dengan

objektif penulisan ini iaitu untuk menghayati elemen akidah yang terdapat di dalam surah yasin.

Surah Yasin merupakan surah agung yang terkandung dalam al-Quran. Menurut Ibn Asyur (1984) surah ini menekankan perkara asas dalam agama dengan gaya yang mendalam dan sempurna sama ada daripada unsur membenarkan risalah wahyu, mukjizat al-Quran, sifat para Nabi, membenarkan qadar, keagungan ilmu Allah SWT, kebangkitan dan tauhid kepada Allah SWT. Kesemua perkara ini merupakan asas kepada keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Elemen akidah terdiri daripada ketuhanan, kenabian dan perkhawaran ghaib. Kesemua elemen akidah ini telah terkandung dalam surah Yasin. Yang pertama, elemen ketuhanan melalui firman Allah SWT:

فسبحان الذي بيده ملكوت كل شيء وإليه ترجعون

Terjemahan: Oleh itu akuilah kesucian (Allah, Tuhan) yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan (Yasin: 83)

Ayat ini menerangkan telah datang seruan tauhid daripada Nabi yang menyeru kepada megesakan Allah SWT serta mukjizat yang mengukuhkan lagi seruan yang dibawa. Namun, kaum ini tetap degil dan ingkar terhadap kebenaran dan seruan tauhid kepada Allah. Maka sesudah kedegilan ini Allah SWT berfirman dengan menyucikan zat-Nya daripada sebarang bentuk syirik. Allah menyucikan dirinya sebagai pemilik kepada setiap sesuatu di alam ini kerana bagaimana Pemilik seluruh alam boleh disekutukan makhluk yang dimiliki Allah SWT. Ayat ini menjelaskan sifat Allah SWT sebagai Pemilik seluruh alam dan tiada sekutu bagi-Nya hanya dia sahaja yang layak disembah. Oleh itu, Allah SWT wajib disembah, ditaati dan dipatuhi secara mutlak manakala apa-apa makhluk yang dimiliki oleh SWT tidak layak dijadikan sebagai sekutu (al-Tabari, 1999).

Selain itu, elemen akidah seterusnya iaitu kenabian turut terkandung dalam surah ini. Allah berfirman:

إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ

Terjemahan: Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad adalah seorang Rasul) dari Rasul-rasul yang telah diutus (Yasin: 3)

Ayat ini merupakan ayat ketiga daripada surah Yasin iaitu selepas Allah bersumpah dengan al-Quran tentang kebenaran kerasulan Nabi Muhammad SAW. Allah bersumpah bahawa Baginda SAW merupakan Rasul yang sebenar, Nabi yang benar, yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai rahmat. Ayat ini juga menerangkan Nabi Muhammad SAW diturunkan atas tugas sebagai Rasul untuk menyampaikan wahyu yang mengandungi berita gembira dan amaran, peraturan, kepercayaan dan cara hidup yang merangkumi aspek dunia dan akhirat. Oleh itu, setiap insan hendaklah beriman kepada Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul sepertimana yang dimaterikan dalam ayat ini (al-Zuhaili, 2003).

Akhir sekali, elemen perkhabaran ghaib dapat dilihat pada firman Allah SWT:

مَا يَنْظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ

Terjemahan: Mereka tidak menunggu melainkan satu pekikan yang (dengan secara mengejut) akan membinasakan mereka semasa mereka dalam keadaan leka bertengkar (merundingkan urusan dunia masing-masing). (Yasin: 49)

Ayat ini merupakan amaran Allah SWT kepada golongan yang ingkar terhadap wahyu dan hari kiamat. Golongan musyrikin sering meremehkan dan menghina amaran para Nabi tentang azab dan hari kiamat. Mereka mempersenda balasan Allah dengan mengatakan kehidupan mereka yang selesa dan mewah sedangkan sering mencabar dan menghalang seruan beriman. Namun, hakikatnya azab ini ditangguhkan Allah SWT kepada mereka.

Dalam ayat ini Allah menjawab sendaan dan cabaran mereka dengan perkhabaran hari kiamat yang akan datang dengan mengejut. Allah menggambarkan perihal hari kiamat yang akan berlaku dengan satu pekikan iaitu pekikan pertama Malaikat Israfil maka matilah seluruh insan sedangkan golongan musyrikin dalam keadaan kelalaian iaitu dalam perbalahan, berjual beli, makan dan minum. Hari kiamat datang kepada mereka dengan keadaan yang cepat manakala mereka tidak sempat bersedia. Ayat ini menjelaskan kebenaran hari kiamat yang akan berlaku namun tidak diketahui waktunya. Golongan beriman sentiasa mempersiapkan diri dengan keimanan dan amalan soleh kerana beriman dengan hari kiamat manakala golongan musyrikin terus hidup dalam keingkaran dan penafian sedangkan hari kiamat akan datang kepadanya dalam keadaan dia tidak sempat bersedia (al-Tabari, 1999).

6.0 Penutup

Membaca surah Yasin merupakan amalan lazim buat umat Islam di Malaysia. Selain itu, surah ini menyentuh tentang pelbagai aspek berkaitan akidah dan perkara usul dalam agama. Artikel ini menjelaskan surah Yasin merangkumi ketiga-tiga elemen utama akidah iaitu ketuhanan (Ilahiyyat), kenabian (nubuwwat) dan perkhabaran ghaib (sam'iyat). Oleh itu, surah Yasin telah menyentuh tentang perkara utama dalam kerangka akidah seorang muslim. Surah Yasin mampu mengukuhkan akidah individu Muslim sekiranya dihayati dengan sebaiknya. Jika intipati surah ini dapat digarap dan difahami dengan baik, ia dapat memberi kesan positif kepada keimanan seseorang. Umat Islam di Malaysia sangat sinonim dengan surah Yasin dan jika intipatinya dapat digarap dan difahami dengan baik, ia dapat memberi kesan positif kepada akhlak dan gaya hidup seseorang.

Terdapat satu keperluan kajian yang lebih mendalam tentang penghayatan akidah berdasarkan surah Yasin. Hal ini kerana surah ini merupakan amalan mingguan umat Islam di Malaysia. Oleh itu, masyarakat merasa dekat terhadap pengamalan surah yang sangat sinonim dalam kehidupan mereka. Penghayatan akidah menjamin kehidupan insan yang sejahtera, membentuk jati diri yang ampuh serta memacu komuniti ke arah kemajuan dan keharmonian.

Rujukan

- Abdullah, A. R. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia, Sejarah dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Asyqar, S. 1984. *'Akidah Fi Allah*, Kuwait: Maktabah al-Falah
- Al-Attas, M. N. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Al-Baqaeie, B. 1984. *Nazm al-Durar Fi Tanasub al-Ayat Wa Suwar*. Beirut: Dar Kutub Islamiyyah.
- Al-Fathani, W. Z. 1990. *'Aqidah al-Najin*. Pattani: Matbaah Ibn Hallabi.
- Al-Ghazali, A. H. 2005. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islāmiyah.
- Al-Qaradhawi, Y. 2011. *Al-Wasatiyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Kutub Islamiyyah
- Al-Sabuni, M. A. 1981. *Safwah al-Tafasir*. Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim.
- Al-Tabari, M. 1999. *Tafsir Al-Tabari*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyya.
- Al-Zuhaili, W. 2003. *Al-Tafsir Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa Al-Syari'ah Wa Al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikir.
- Daud, H. 1989, *Sejarah Melayu: Satu Kajian daripada Aspek Pensejarahan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hamat, F. 2008. *Cabaran Pengukuhan Akidah di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran*. Jurnal Penyelidikan Islam Bil. 21, Putrajaya: JAKIM
- Hanafiah, M. G. 2019. *Isu Membidaahkan Amalan Masyarakat Melayu: Analisis Wacana Media Massa*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 35(2).
- Ibn 'Ashur, M. A. T. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiyah li al-Nasyr.
- Ibn Manzur, M. 2005. *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadr
- Mas'od, A. 2013. *Diskusi Isu Akidah & Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Mat, J. 1997. *Ahli al-sunnah wa al-jama'ah: satu pengenalan*. Jurnal Usuluddin.
- Musa, H. 2004, *Dialog Peradaban, Pemeraksanaan Tamadun Melayu Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press
- Najati, M. U. 2001. *Al-Quran Wa Ilm Al-Nafs*. Kaherah: Dar al-Syuruq
- Qutb, S. 1986. *Tafsir Fi Zilal Al-Quran*. Kaherah, Mesir: Dar Syuruq.
- Suliaman, I. 2011. *Sunnah Nabi: Realiti Dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Uthman el-Muhammady. 1995. *Pangkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan Yang Mengamalkan Pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah*, Kuala Lumpur: BAHEIS.
- Wan Rohani, W. M. (2012). *Penggunaan Uslub Khabari Dalam Al-Quran: Kajian Terhadap Surah Yasin*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nurkhamimi. (2020). *Agnostik menggugat akidah*. Refer to My metro at 11 January 2021. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/03/553313/agnostik-menggugat-akidah>